

**FAKTOR-FAKTOR SOKONGAN SOSIAL YANG MEMPENGARUHI
PENGHARGAAN KENDIRI REMAJA SEKOLAH MENENGAH DAERAH MELAKA
TENGAH**

(The Social Support Factor Influencing the Self Esteem of Adolescents within secondary Schools
in Mid Malacca District)

Tan Swee Chen & Rosnah Sutan

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penghargaan sendiri remaja sekolah menengah di daerah Melaka Tengah dan hubungannya dengan sokongan sosial. Remaja sekolah pada tingkatan 2 (13-14 tahun) dipilih secara rawak dari 3 buah sekolah kerajaan di daerah Melaka Tengah. Alat kajian ini menggunakan borang soal selidik “*The Piers-Harris Children Self Concept Scale*” dan “*Social Support Questionnaire*”. Seramai 242 orang responden terlibat dalam kajian ini iaitu 111 (45.9%) lelaki dan 131 (54.1%) perempuan. Terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan ibu bapa terhadap penghargaan sendiri remaja sekolah dengan ujian multivariate linear regresi ($p < 0.05$). Manakala sokongan guru, rakan dan rakan sebaya tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap penghargaan sendiri remaja. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan penghargaan sendiri remaja mengikut sosiodemografik seperti jantina, bangsa, status pekerjaan ibu bapa dan status penjaga (nilai $p > 0.05$). Kesimpulannya, peranan ibu bapa dalam memberi sokongan sosial kepada remaja sangat membantu dalam meningkatkan tahap penghargaan sendiri remaja.

Kata kunci: *Penghargaan sendiri, sokongan sosial, remaja, tingkah laku*

ABSTRACT

The study aims to evaluate the self esteem of adolescents around Mid Malacca district and their social support. Form 2 students (aged 13-14 years) of 3 secondary schools are randomly selected. "The Piers-Harris Children Self Concept Scale" and "Social Support Questionnaire" were used as tools. A total of 242 respondents, with 111 males (45.9%) and 131 females (54.1%) participated in this study. The results showed that there was significant correlation between parental support and adolescence's self esteem ($p < 0.05$). On the other hand, teachers' support, friends and peers indicated no significant correlation towards self esteem. There was no difference in self esteem according to socio-demographic factors such as gender, race, status of occupation of one's parents and guardians ($p > 0.05$). In conclusion, it was found that parents' role in providing social support encourages the increase of adolescents' self esteem.

Keywords: *self esteem, social support, adolescent, behavior*

PENGENALAN

Setiap individu pernah melalui zaman remaja. Semasa alam remaja adalah menjadi lumrah apabila kita bernaluri ingin dipunyai, dihargai di dalam sesuatu kelompok. Menurut Haughton (1995), zaman remaja merupakan zaman perubahan dari segi fizikal dan emosi yang boleh memupuk perasaan ketidakpastian dalam diri remaja sendiri. Perkara yang ingin mereka lakukan ialah menonjol diri di dalam kelompok. Mereka yang ingin berada di dalam kelompoknya harus mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti kelompok remaja, keluarga, pendidikan dan sekitarnya. Remaja mengukur diri mereka dengan satu tahap yang dibuat oleh orang-orang di sekeliling yang membentuk diri mereka (Halimah, 2008).

Menurut Carl Rogers, sendiri muncul hasil daripada interaksi organisma dengan persekitarannya. Hasil ini mungkin menonjolkan nilai orang lain yang berbentuk positif ataupun negatif. Organisma akan bertindak mengikut ketentuan sendiri (Azizi Yahaya et al., 2004). Menurut Erikson, tahap yang paling penting sekali dalam perkembangan diri seseorang individu dalam pembentukan peribadinya adalah semasa zaman remaja. Perubahan yang berlaku dalam diri seseorang pada peringkat ini akan menentukan perkembangan seterusnya dalam kehidupannya (Ibrahim Abu Samah et al., 1999).

Remaja memerlukan sokongan sosial daripada ibu bapa, guru, rakan, rakan sekelas dan orang di sekelilingnya untuk membantu mereka menghadapi liku-liku hidup. Sokongan ini mampu memberi perlindungan dan peningkatan kesihatan remaja menerusi psikologikal hidup remaja apabila remaja mengalami gangguan konflik dalam hidup. Malahan mampu memberi peningkatan penghargaan sendiri, nilai dan keyakinan diri serta kesejahteraan dalam hidup. (Nestmeann & Hurrelmann, 1994).

Tam et al. (2011) mengkaji hubungan antara penerimaan sokongan sosial dan penghargaan sendiri dalam kalangan remaja Malaysia. Hasil kajian menunjukkan hubungan positif antara sokongan sosial dan penghargaan sendiri dalam kalangan remaja. Selain itu, Teoh dan Nur Afiqah (2010) yang mengkaji penghargaan sendiri di kalangan belia, sokongan sosial dan personaliti menunjukkan bahawa kesemua personaliti dan sokongan sosial mempunyai kaitan dengan tahap penghargaan sendiri pelajar.

Sokongan sosial yang lemah boleh merumitkan kehidupan remaja dan menimbulkan masalah. Ini kerana kebiasaan sokongan sosial yang lemah boleh mempengaruhi perilaku remaja (Hoge et al., 1996). Remaja sering dilanda perubahan emosi seperti perasaan rendah diri, perasaan sunyi, bosan dan sebagainya. Perasaan rendah diri boleh membawa kesan negatif kepada remaja. Remaja akan menjadi pendiam, tidak suka bergaul, mudah tersinggung dan bermotivasi rendah. Remaja ini cenderung merasa rendah diri sekira dirinya memiliki banyak kekurangan berbanding rakan lain (Noor Hidayah, 2008). Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji hubungan di antara faktor sokongan sosial dan penghargaan sendiri serta faktor-faktor demografik lain yang berkaitan.

METODOLOGI

Satu kajian keratan rentas dalam kalangan remaja sekolah kerajaan bukan berasrama penuh yang terletak di Daerah Melaka Tengah telah dilakukan. Borang soal selidik berpandu dengan gabungan *The Piers-Harris Children Self Concept Scale* untuk mengukur tahap penghargaan

kendiri remaja dan *Social Support Questionnaire* untuk mengukur sokongan sosial remaja telah digunakan. Seramai 242 orang remaja sekolah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 111 lelaki dan 131 perempuan. Kadar respons untuk kajian ini adalah 100%. *The Piers-Harris Children Self Concept Scale* mengandungi 80 item yang terbahagi kepada dua pilihan jawapan sahaja iaitu "Ya" atau "Tidak". Sekiranya responden menandakan jawapan "Ya" bagi soalan positif, skor 1 akan diberikan dan sebaliknya jika jawapan diberi oleh responden adalah "Tidak" bagi soalan negatif, maka skor 1 akan diberikan. Manakala bagi responden yang menandakan "Ya" bagi soalan negatif, skor 0 akan diberi dan "Tidak" bagi soalan positif, skor 0 akan diberi.

The Social Support Questionnaire mengandungi 24 item merangkumi sokongan dari ibu bapa, guru dan rakan. Setiap responden perlu menandakan jawapan sama ada sangat benar atau kadang-kadang benar dalam ruangan yang paling sesuai. Sekiranya responden menandakan jawapan "Sangat benar" bagi soalan positif, skor 4 akan diberikan. Sekiranya jawapan yang diberi oleh responden adalah "Kadang-kadang benar" bagi soalan positif, maka skor 3 diberi. Sebaliknya bagi responden yang menandakan "Sangat benar" bagi soalan negatif, skor akan diberi dan "Kadang-kadang benar" bagi soalan negatif, skor 2 akan diberi. Keseluruhan skor sokongan daripada 24 item soal selidik sokongan sosial akan dijumlah dan dikira secara purata bagi setiap ruangan positif dan negatif. Skor sokongan positif yang tinggi menunjukkan sokongan yang baik dan sebaliknya.

Penyelidikan telah mendapat kelulusan dan kebenaran secara bertulis daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Melaka, sekolah, ibu bapa dan responden terlebih dahulu. Maklumat berkenaan kajian telah dimaklumkan secara terperinci kepada responden sebelum kajian secara bertulis. Data analisis *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20 telah digunakan untuk memasukkan data dan menganalisis data. Analisis deskriptif dan statistik inferensi menggunakan Ujian t bebas tidak berpadanan, ujian pekali korelasi, linear regresi dan multivariat linear regresi diguna untuk melihat hasil kajian.

HASIL KEPUTUSAN

Jadual 1 dan Jadual 1a menunjukkan keputusan analisis deskriptif berdasarkan skor bagi penghargaan sendiri remaja sekolah. Skor penghargaan sendiri remaja adalah min $49.72 \pm$ sp 12.54 dan median $51.00 \pm$ JAK 16.50. Skor minimum bagi penghargaan sendiri remaja sekolah 15.00 manakala skor maksimum adalah 74.00. Keputusan deskriptif kekerapan menunjukkan aspek perlakuan bagi remaja sekolah dalam penghargaan sendiri adalah paling tinggi iaitu sebanyak min $13.20 \pm$ sp 3.51 median $14.00 \pm$ JAK 5.00. Populariti remaja sekolah dilihat dalam lingkungan sederhana iaitu min $6.90 \pm$ sp 2.12 median $7.00 \pm$ JAK 2 manakala variabel bagi penampilan fizikal adalah paling rendah iaitu min $6.13 \pm$ sp 2.91 median 6.00 JAK 5. Intelektual dan sekolah pula min $9.55 \pm$ sp 3.86 median $10.00 \pm$ JAK 6. Kegembiraan dan kepuasan remaja mempamerkan min $6.78 \pm$ sp 1.74 median $7.00 \pm$ JAK 2. Subskala kerisauan menunjukkan min $6.30 \pm$ sp 2.94 median $6.00 \pm$ JAK 5.00.

Jadual 1 Skor Penghargaan Kendiri Remaja

Variabel	min	median	s.p	minimum	maksimum	JAK
Penghargaan Kendiri	49.72	51.00	12.54	15.00	74.00	42.75 – 58.25

Jadual 1a: Subskala Penghargaan sendiri

Variabel	min	s.p	julat min	median	JAK
Perlakuan	13.20	3.51	0.23	14.00	11.00 – 16.00
Intelektual & Sekolah	9.55	3.86	0.25	10.00	7.00 – 13.00
Penampilan Fizikal	6.13	2.91	0.19	6.00	4.00 – 9.00
Kerisauan	6.30	2.94	0.19	6.00	4.00 – 9.00
Populariti	6.90	2.12	0.14	7.00	6.00 – 8.00
Kegembiraan & Kepuasan	6.78	1.74	0.11	7.00	6.00 – 8.00

Jadual 2 dan Jadual 2a menunjukkan skor sokongan sosial remaja sekolah iaitu skor min $75.16 \pm$ sp 10.55 dan skor median $76.00 \pm$ JAK skor 14.25. Skor minimum adalah 45.00 manakala skor maksimum 96.00. Analisis deskriptif subskala sokongan sosial remaja sekolah bagi sokongan rakan adalah paling tinggi iaitu min $24.76 \pm$ sp 4.71 dan median skor $25.00 \pm$ JAK 5. Manakala sokongan rakan sekelas adalah paling rendah dalam aspek sokongan sosial remaja sekolah iaitu min $13.07 \pm$ sp 2.34 dan median skor 13.0 JAK 3. Subskala sokongan ibu bapa menunjukkan min $19.39 \pm$ sp 3.80 dan median skor $20.0 \pm$ JAK 5. Sokongan guru pula min $18.23 \pm$ sp 4.12 dan median skor $19.0 \pm$ JAK 5.

Jadual 2 Skor Sokongan Sosial Remaja dan subskala

Variabel	min	median	s.p	minimum	maksimum	JAK
Sokongan Sosial	75.16	76.00	10.55	45.00	96.00	68.75 – 83.00

Jadual 2a Subskala Sokongan Sosial

Variabel	min	s.p	julat min	median	JAK
Sokongan Ibu Bapa	19.39	3.80	0.24	20.0	17.00 – 22.00
Sokongan Guru	18.23	4.12	0.26	19.0	16.00 – 21.00
Sokongan Rakan	24.76	4.71	0.30	25.0	22.00 – 29.00
Sokongan Rakan Sekelas	13.07	2.34	0.15	13.0	12.00 – 15.00

Jadual 3 menunjukkan subjek kajian terdiri daripada 242 remaja sekolah menengah (111 remaja lelaki dan 131 remaja perempuan) di tiga buah sekolah menengah iaitu SMK Tun Haji Abdul Malik 109 orang (45.04%), SMK Bukit Baru 70 orang (28.93%) dan SMK Munshi Abdullah 63 orang (26.03). Di antara mereka terdiri daripada 142 remaja Melayu (58.7%), 71 remaja Cina (29.3%), 27 India (11.2%) dan lain-lain kaum (0.8%). Kajian ini juga mendapati status pekerjaan ibu bapa remaja yang mana kedua-duanya bekerja adalah seramai 88 orang (36.4%) manakala salah seorang bekerja adalah 154 orang (63.6%). Di samping itu, status penjaga remaja sekolah bagi mereka yang tinggal bersama ibu bapa adalah 233 orang (96.3%) dan lain-lain pula adalah 9 orang (3.7%).

Keputusan ujian t bebas tidak berpadan seperti Jadual 3 menunjukkan penghargaan sendiri mengikut sosiodemografik remaja sekolah di daerah Melaka Tengah. Tiada perbezaan yang signifikan di antara aspek jantina, bangsa, status pekerjaan ibu bapa serta penjaga remaja dan penghargaan sendiri.

Jadual 3 Penghargaan Kendiri Mengikut Sosiodemografik

Kategori	N	Perbezaan min	s.p	t	95% (SK)	Nilai p
Jantina						
Lelaki	111	51.27	11.63	1.78	-0.31-6.04	0.08
Perempuan	131	48.20	13.16			
Bangsa						
Melayu	142	50.33	12.08	0.91	-1.74 -4.71	0.37
Bukan Melayu	100	48.85	13.17			
Status Pekerjaan Ibu Bapa						
Kedua- dua Bekerja	88	48.48	10.44	-1.15	- 5.01 -1.14	0.25
Salah Seorang Bekerja	154	50.42	13.07			
Status Penjaga						
Ibu Bapa	233	49.65	12.53	-0.42	- 10.20- 6.61	0.68
Lain-lain	9	51.44	13.30			

Keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada aras 0.01 (*2-tailed*) bagi skor penghargaan sendiri remaja sekolah berhubung dengan skor sokongan sosial remaja sekolah dengan nilai $p < 0.05$. Pekali korelasi Pearson ($r = 0.52$) menunjukkan terdapat hubungan positif pada tahap sederhana di kalangan pembolehubah tersebut (Jadual 4).

Jadual 4 menunjukkan hubungan antara skor penghargaan sendiri remaja sekolah dengan faktor sokongan sosial seperti sokongan ibu bapa, sokongan guru, sokongan rakan dan sokongan rakan sekelas terhadap penghargaan sendiri remaja sekolah. Hasil ini menunjukkan hubungan yang signifikan di antara penghargaan sendiri dengan keempat-empat subskala sokongan sosial dengan nilai $p < 0.05$. Pekali korelasi Pearson untuk sokongan ibu bapa terhadap penghargaan sendiri remaja adalah paling tinggi iaitu $r = 0.50$ diikuti sokongan rakan ($r = 0.36$), sokongan rakan sekelas ($r = 0.31$) dan sokongan guru ($r = 0.30$). Ini menunjukkan sokongan ibu bapa mempunyai hubungan positif dan kuat terhadap penghargaan sendiri remaja.

Jadual 4: Hubungan di antara Penghargaan Kendiri Remaja dengan Sokongan Sosial dan subskala

Variabel	r	Nilai p
Sokongan Sosial	0.524**	0.00
Sokongan Ibu Bapa	0.50 **	0.00
Sokongan Guru	0.30**	0.00
Sokongan Rakan	0.36**	0.00
Sokongan Rakan Sekelas	0.31**	0.00

** Korelasi signifikan pada aras 0.001 (*2-tailed*)

Keputusan ujian linear regresi menunjukkan hubungan antara penghargaan sendiri remaja dan sokongan sosial ($r = 0.524$). Hanya 27% (*R square* = 0.27) boleh menerangkan hubungan di antara penghargaan sendiri dan sokongan sosial seseorang. Jadual 5 menunjukkan dengan setiap peningkatan sokongan sosial, penghargaan sendiri remaja akan meningkat sebanyak 0.622 (95%, SK 0.49-0.75, nilai $p < 0.01$).

Jadual 5 Pekali Korelasi untuk hubungan di antara penghargaan sendiri dan sokongan sosial.

Model	Pekali Tidak Setaraf		Pekali Setaraf	t	95% SK	Nilai p
	B	Std Error	Beta			
I (konstan)	2.95	4.96		0.60	-6.82-12.72	0.55
Sokongan Sosial	0.62	0.07	0.52	9.52	0.49-0.75	0.00

a. Dependent variable: penghargaan sendiri

Keputusan ujian multivariate linear regresi bagi Jadual 6 menunjukkan faktor-faktor berhubung kait dengan penghargaan sendiri remaja sekolah. Sokongan ibu bapa merupakan faktor yang paling berpengaruh dengan penghargaan sendiri remaja. Remaja sekolah yang mempunyai sokongan ibu bapa yang baik mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi berbanding remaja yang tiada sokongan ibu bapa.

Jadual 6 Faktor Terhadap Penghargaan Kendiri Remaja Sekolah

Faktor	Wald	Exp(B)	95% (SK) Untuk Exp(B)	Nilai p
Sokongan Iubapa	20.57	1.23	1.12 -1.34	0.00
Sokongan Guru	0.00	1.00	0.92-1.09	0.99
Sokongan Rakan	1.99	1.06	0.98-1.14	0.16
Sokongan Rakan Sekelas	2.16	1.12	0.96-1.30	0.14
Jantina (1)	0.00	1.02	0.54 -1.92	0.95
Bangsa (1)	0.05	0.93	0.48 -1.77	0.82
Pekerjaan(1)	0.19	1.15	0.61 -2.15	0.67
Penjaga(1)	0.20	1.49	0.26 -8.72	0.66
Konstan	20.20	0.03		

PERBINCANGAN

Dalam hasil perbincangan ini, penyelidik mendapati faktor sokongan sosial mempunyai hubungan kaitan dengan penghargaan sendiri remaja sekolah. Sokongan sosial daripada ibu bapa dilihat mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penghargaan sendiri remaja berbanding faktor lain. Rozali (2003) mendapati memang terdapat kaitan penghargaan sendiri dengan sokongan sosial dan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah di Kuala Terengganu. Rozumah dan Nor Sheereen (2009) yang melihat perhubungan kualiti remaja dengan ibu bapa yang baik memberi implikasi dalam hubungan yang positif kepada remaja. Siti dan Zalina (1995) juga menunjukkan perbezaan signifikan sokongan keluarga dan penghargaan sendiri mempunyai sumbangan dalam menentu tahap akademik remaja.

Kefungsian keluarga yang baik dapat mengeratkan perhubungan remaja malah meningkatkan lagi penghargaan sendiri remaja. Galakan dan sokongan yang diberi kepada remaja memberi kesan yang positif terhadap penghargaan kendirinya (Preechawong et al., 2007). Kajian Lin et al. (2008) turut menunjukkan remaja yang mempunyai masalah kemurungan akan mempunyai penghargaan sendiri yang lemah kerana kefungsian keluarga yang terganggu dan konflik dalaman yang berlaku dalam keluarga.

Di Slovakia, dapatan lepas menunjukkan suasana keadaan ekonomi keluarga remaja yang mewah, emosi keluarga yang stabil, sifat *extraversion* dan sokongan keluarga yang tinggi mempunyai penghargaan sendiri global yang tinggi berbanding disfungsi sosial bagi sesebuah keluarga remaja yang memiliki penghargaan sendiri rendah (Veselska et al., 2006). Di samping itu, dapatan kajian Laible, Carlo dan Scott (2004) di USA selari dengan kajian pengkaji di mana ia menunjukkan ibu bapa merupakan orang yang paling rapat mempengaruhi penghargaan sendiri remaja berbanding rakan remaja malah remaja yang memiliki prososial yang tinggi dalam perhubungan dilaporkan mempunyai penghargaan sendiri tinggi serta tingkah laku agresif yang rendah berbanding mereka yang tidak.

Namun demikian, terdapat kajian lepas yang membuktikan selain ibu bapa, rakan, rakan sekelas dan guru turut mempengaruhi penghargaan sendiri remaja sekolah. Menurut Abdul Rahim et al. (2006), sebahagian nilai kehidupan remaja dipengaruhi oleh nilai rakan sebaya. Dalam peringkat remaja, pengaruh ibu bapa tercabar dan kerap kali dikalahkan oleh rakan sebaya. Remaja akan diiktiraf dan selesa jika mengikut nilai rakan sebaya. Nilai yang menjadi kebanggaan dan amalan remaja adalah berunsurkan hedonisme dan nilai keseronokan. Nilai ini selari dengan perkembangan fizikal dan emosi mereka. Kajian Siti Nor Yaacob et al. (2008) menunjukkan wujud perhubungan signifikan antara penghargaan sendiri, perhubungan dengan keluarga, kefungisian keluarga, perhubungan dengan rakan sebaya, kerisauan terhadap sekolah dan pencapaian akademik dengan kemurungan remaja. Remaja yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah, perhubungan negatif dengan keluarga dan rakan sebaya dan mempunyai kerisauan tinggi terhadap sekolah mempunyai risiko lebih tinggi mengalami kemurungan.

Reddy et al. (2003) pula mendapati sokongan guru bukan saja diterima signifikan oleh remaja sekolah tetapi kesan sokongan guru yang lemah boleh memberi impak yang besar kepada remaja sekolah yang memiliki penghargaan sendiri lemah dan kemurungan yang tinggi. Rosenfeld et al. (2000) telah meneroka sumber sokongan dari ibu bapa, guru dan rakan untuk melihat rangkaian sosial remaja sekolah. Setiap sokongan ini berbeza cara kepada remaja. Hasilnya mendapati paling manfaat untuk remaja apabila sokongan guru disertai sokongan ibu bapa dan guru (dlm. Cotterell, 2007).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan hasil kajian ini menggambarkan faktor sokongan sosial ibu bapa merupakan pengaruh yang paling signifikan terhadap penghargaan sendiri remaja sekolah berbanding faktor guru, rakan dan rakan sekelas. Ini kerana keluarga masih dilihat memainkan peranan utama dalam membentuk identiti dan penghargaan diri remaja sekolah. Peranan ibu bapa dalam memberi sokongan sosial kepada remaja sangat membantu dalam meningkatkan tahap penghargaan sendiri remaja semasa proses pertumbuhan. Perhubungan dan bimbingan ibu bapa yang baik dengan anak mampu mendidik dan membentuk personaliti anak dengan baik. Namun demikian sokongan guru, rakan dan rakan sekelas juga tidak boleh diabaikan kerana ia juga dilihat mampu mempengaruhi penghargaan sendiri remaja sekolah apabila remaja sekolah berhadapan masalah tekanan di rumah, sekolah mahupun komuniti. Maka penting remaja sekolah mendapat kesemua sumber sokongan iaitu ibu bapa, guru, rakan dan rakan sekelas. Ini secara tidak langsung dapat membantu remaja menangani cabaran yang dilalui.

LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian adalah kajian ini dijalankan di sekolah menengah daerah Melaka Tengah dan ini menjadikan hasil kajian tidak mampu mewakili keseluruhan populasi di Malaysia. Kajian ini hanya menumpu sekolah aliran jenis campuran kerajaan tanpa melihat kesemua jenis aliran sekolah. Malah responden dipilih daripada remaja sekolah tingkatan dua saja. Dengan itu, hasil kajian ini tidak mungkin sama bagi remaja sekolah yang berlainan umur. Kajian akan datang diharapkan dapat membuat perbandingan antara pelajar bandar dan luar bandar. Lanjutan kajian perlu dilakukan lebih terperinci dalam skop yang lebih luas bagi melihat aspek risiko yang berkemungkinan mempengaruhi kesihatan mental remaja sekolah, personaliti dan pencapaian akademik mereka berhubung sokongan sosial dan penghargaan sendiri remaja. Isu remaja amat penting dalam bidang kesihatan kerana ia berkait rapat dengan perkembangan biologikal,

psikologikal dan sosiologikal remaja. Disarankan kepada pengkaji di masa akan datang tidak mengabaikan aspek kefungisian sosial dalam kesihatan remaja untuk kepentingan penyelidikan pendidikan.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah. 2006. *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. KL: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya, Yusuf Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek, Fawziah Yahya & Amir Hamzah Abdul. 2004. *Psikologi Sosial*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Cotterell, J. 2007. *Social networks in youth and adolescence 2nd ed*. New York: Routledge.
- Halimah Abdul Rahman. 2008. *Masalah moral dan disiplin pelajar*. KL: Edition Plus Sdn Bhd.
- Haughton, E. 1995. *Dealing with peer pressure*. Italy: Wayland.
- Hoge, R. D., Andrews, D. A. & Leschied, A. W. 1996. An investigations of risk and protective factors in a sample of youthful offenders. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 37(4), 419-424.
- Ibrahim Abu Samah, Jamil Hamali, Zulkifley Mohd Badron Abd Manaf & Allan Chong. 1999. *Gaya hidup remaja: Analisis kes remaja di bandaraya Kuching*. Shah Alam: UITM.
- Laible, D. J., Carlo, G. & Roesch, S. C. 2004. Pathways to self-esteem in late-adolescents: the role of parent and peer attachment, empathy, and social behaviors. *Journal of Adolescence* 27:6(December 2004)703-716.
- Lin, H. C, Tang, T. C., Yen, J. Y. Ko, C. H, Huang, C. F., Liu, S. C. & Yen, C. F. 2008. Depression and its association with self-esteem, family, peer, and school factors in a population 9586 adolescents in southern Taiwan. *Psychiatry and Clinical Neurosciences*, 62:412- 420.
- Nestmann, F. & Hurrelmann, K. 1994. *Child and adolescent research as a challenge and opportunity for social support theory, measurement, and intervention: and vice versa*. In F. Nestmann & K. Hurrelmann (Eds.), *Social networks and social support in childhood and adolescence* (pp. 1-22). New York: Walter de Gruyter.
- Noor Hidayah Amin. 2008. *Proses perkembangan remaja*. KL: Hartamas.
- Preechawong, S., Zawaszniwski, J. A., Heinzer, M. M. V. & Musil, C. M. 2007. Relationship of family functioning, self-esteem, and resourceful coping of Thai adolescents with asthma. *Informa healthcare. Issues in Mental Health Nursing*, 28:21-36.

- Reddy, R., Rhodes, J. E. & Mulhall, P. 2003. The influence of teacher support on student adjustment in the middle schools years: A latent growth curve study. *Development and Psychopathology*, 15: 119-138.
- Rozali Mohd Salleh. 2003. Hubungan antara penghargaan sendiri dengan sokongan sosial dan pencapaian akademik, pelajar tahun enam, Sekolah Kebangsaan Kesom, Kuala Terengganu. http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/Tb_psm_list_Detail.asp?key={16FD425E-9223-4698-BDB8-3191CF2316E7} (8April 2010).
- Rozumah Baharudin & Nor Sheereen Zulkefly. 2009. Relationship with father and mother, self-esteem and academic achievement amongst college students. *American Journal of Scientific Research*. 6: 86-94.
- Siti Nor Yaacob & Zalina Said. 1995. Perbezaan sokongan keluarga dan penghargaan sendiri di antara remaja pencapaian akademik tinggi dan rendah. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*. Vol 2. 2005.
- Siti Nor Yaacob, Siti Rohana Salleh & Rumaya Juhari. 2008. Pengaruh faktor personal, keluarga, rakan sebaya dan sekolah terhadap kemurungan remaja. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*. Vol 2. 2005.
- Tam, C. L., T, H. L., Wai, M. H. & Wei, L. P. 2011. Perceived social support and self-esteem towards gender roles: Contributing factors in adolescents. *Asian Social Sciences*. 7(8): August 2011.
- Teoh, H. J. & Nur Afiqah. 2010. Self-esteem among young adults: The effect of gender, social support and personality. *MJP online*, 02-07-10.
- Veselska, Z., Geckova, A. M., Gajdsova, B., Orosova, O., Dijk, J. P. & Reijneveld, S. M. 2006. Socioeconomic differences in self-esteem of adolescents influenced by personality, mental health and social support. *European Journal Public Health*. doi:10.1093/eurpub/ckp210.

Rosnah Sutan
Jabatan Kesihatan Masyarakat
Pusat Perubatan UKM, Jln Yaakob, Bandar Tun Razak Cheras
56000, Kuala Lumpur
Email: rosناه_sutan@yahoo.com, rosناه@medic.ukm.my

Tan Swee Chen
Kerja Sosial Perubatan HUKM, Cheras,
Tel. no: 012-3286321
Email: chen_1700@yahoo.com